

kelewatan berhubung dengan aktiviti atau peristiwa yang disumbang oleh Kerajaan mahupun kontraktor.

- (iv) Bilangan hari yang lambat dan bilangan hari yang dipohon dengan menunjukkan perkiraan berdasarkan kepada peristiwa atau aktiviti sebenar di tapak bina.
  - (v) Klausu syarat-syarat kontrak yang membolehkan kontraktor diberikan lanjutan masa.
  - (vi) Dokumen-dokumen sokongan lain yang perlu bagi membantu P.P. membuat satu pandangan yang bernas berhubung dengan permohonan lanjutan masa kontraktor.
- (c) Lanjutan tempoh liputan polisi insurans, bon pelaksanaan dan jaminan wang pendahuluan (jika berkaitan).
- 10.4.2 P.P. perlu sentiasa memantau kemajuan kerja Kontraktor dan menyemak kemajuan kerja di tapak berbanding program kerja yang telah dipersetujui dan jika didapati berlaku kelewatan, P.P. hendaklah meminta Kontraktor supaya memberi sebab-sebab mengapa kerjanya telah/akan terlambat dan langkah-langkah yang telah/akan diambil untuk mengelakkan/mengurangkan kelewatan.

## **10.5 Penilaian Tempoh Kelambatan Dan Lanjutan Masa**

- 10.5.1 Dalam menilai tempoh kelambatan dan lanjutan masa, beberapa perkara perlu diberi perhatian:-
- (a) Sebab-sebab kelambatan yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah dikaji sama ada dibenarkan di bawah Kontrak.
  - (b) Tentukan masa tambahan yang diperlukan untuk menyiapkan sesuatu kerja tersebut.